

# Dr. M, Rafidah diminta adakan pertemuan selesaikan isu AP

UM 29 JUL 2005

SUBANG 28 Julai – Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton), Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta mengadakan pertemuan untuk menyelesaikan sebarang salah faham antara mereka berhubung isu permit import (AP) dan dasar kereta nasional.

Pertemuan itu perlu dilakukan seperti bapa dengan anak dan mengikut budaya

Melayu supaya ia tidak berlanjutan pada masa akan datang, kata ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr. Norraesah Mohamad.

“Pertemuan ini penting kerana isu itu sudah nampak seolah-olah menjadi isu peribadi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul-

lah Ahmad Badawi daripada lawatan rasmi tiga hari ke Afrika Sela-

tan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Norraesah yang juga Exco Pergerakan Wanita UMNO berkata, kemelut itu harus ditamatkan segera kerana ia sudah menjadi ‘tidak sihat’ kepada masyarakat dan boleh menimbulkan banyak persoalan serta syak wasangka.

Isu AP timbul apabila Dr. Mahathir mempersoalkan pemberian AP sehingga menjejaskan penjualan kereta nasional dan ekoran isu itu, Kabinet mengarahkan Rafidah menulis surat kepada bekas perdana menteri itu bagi memberikan penjelasan.

Bagaimanapun Dr. Mahathir dilaporkan berkata, Rafidah tidak memberikan gambaran sebenar mengenai pemberian AP itu.